

MAHATHIR GEMBIRA DENGAN DRAF DEKLARASI HARARE
CHOGM - Mahathir
Daripada Kuah Guan Oo
I

HARARE, 16 Okt (Bernama) -- Malaysia gembira bahawa draf Deklarasi Harare yang akan dikeluarkan pada Persidangan Kemuncak Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bermula di sini hari ini tidak mengandungi sebarang perkara yang bertentangan dengan pendirian dan prinsip negara dalam isu seperti kerajaan yang baik, bantuan dan hak asasi manusia.

+Isi kandungannya tidak bercanggah dengan pendirian kita,+ kata Perdana Menteri kepada para wartawan Malaysia malam tadi selepas mempengerusikan mesyuarat sehari suntuk Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi Komanwel (HLAG) dengan sembilan orang ketua kerajaan lain.

Yang lain termasuk Perdana Menteri Bob Hawke dari Australia, Sir Lynden Pindling dari Bahamas, John Major dari Britain, Brian Mulroney dari Kanada, Narasimha Rao dari India, Goh Chok Tong dari Singapura dan Presiden Kenneth Kaunda dari Zambia.

HLAG dibentuk pada Persidangan Kemuncak Komanwel di Kuala Lumpur pada tahun 1989 dengan mandat untuk mengkaji dan mencatatkan arah dan peranan bagi pertubuhan 50 buah negara itu ke arah 1990-an dan seterusnya. -- Lagi

♥16/10/10-40MST

R GB 16-10 00171 BH218

aab

CHOGM - Mahathir 2 Harare

Deklarasi Harare itu akan dikeluarkan pada akhir persidangan kemuncak seminggu itu Selasa depan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata draf itu tidak begitu keras seperti yang Malaysia kehendaki tetapi idenya adalah sama.

Para pegawai kanan HLAG bermesyuarat tiga kali untuk menyiapkan draf bagi dipertimbangkan oleh 10 ketua kerajaan itu hari ini tetapi Britain memeranjatkan mereka dengan membentangkan drafnya sendiri.

Ini menimbulkan spekulasi bahawa HLAG berpecah antara Britain di satu pihak dan anggota-anggota lain, di satu pihak lagi.

+Draf Britain itu pada amnya adalah sama (dengan draf kita) tetapi perkataannya disusun semula. Ketua-ketua kerajaan itu kemudian memutuskan bahawa mereka boleh menggunakan draf Britain tetapi kita perlu menekankan beberapa perkara yang penting kepada negara membangun,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Antara isu yang dipersetujui pada HLAG itu, yang memuaskan hati Malaysia ialah soal +kerajaan yang baik+, istilah Komanwel bagi demokrasi, dan meletakkan pemberian bantuan kepada hak asasi manusia dan proses demokrasi negara penerima. -- Lagi

♥16/10/11-02MST

R GB 16-10 00132 BH219

aab

CHOGM - Mahathir 3 Harare

Beliau berkata +pada mulanya, terdapat perasaan tidak puas hati (berhubung isu-isu ini) ... dan Singapura and Malaysia dan beberapa negara lain menyuarakan pendapat mereka.

+kemudian diperjelaskan bahawa ia tidak akan menjadi satu bentuk pengadilan arbitrari oleh negara pemberi.+ .

'Mereka puas hati dengan pendirian itu, tambah beliau.'

Ketika ditanya mengapa Britain, sebagai anggota HLAG, perlu menyediakan draf berasingan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata keadaannya sama seperti seekor kuda dan seekor unta; kuda itu direkabentuk oleh seorang lelaki dan unta itu oleh sebuah jawatankuasa tetapi ia merupakan perkara yang sama.

Tambahnya: +Sepuluh ketua kerajaan itu merasakan bahawa mereka boleh menerima draf Britain itu.

+Tidak timbul soal memuaskan hati (Britain) tetapi ia mempercepatkan kerja.+ -- Lagi

♥16/10/11-10MST

CNS9492

R GB 16-10 00103 BH220

aab

CHOGM - Mahathir 4 Harare (akhir)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mereka bersetuju bahawa HLAG bukan menyebut tentang kekurangan kerajaan yang baik dalam negara Komanwel tetapi terdapat beberapa negara di dunia, di mana tidak ada kebebasan dan diktator bermaharajalela.

Dalam perbincangan mereka mengenai pasukan pemerhati pilihan raya Komanwel bagi mengawasi pilihan raya di beberapa negara, ia menekankan bahawa kerja kumpulan itu bukan satu siasatan.

Kumpulan pemerhati itu perlu memuaskan hatinya dalam misi itu bahawa undang-undang dan peraturan tidak menghalang rakyat daripada mengundi kepada hak rakyat untuk menyertai pilihan raya itu. -- Bernama

♥16/10/11-29MST